

Kontroversi di UUM

MUKADIMAH

RAMAI yang menghargai ketelusan Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri mendedahkan pensyarah dan pelajar yang terlibat dengan gerakan bawah tanah.

Tidak kurang juga yang mengandaikan langkah beliau sebagai membuka pekung di dada kerana ia menggambarkan kepimpinan beliau yang akan memasuki 100 hari pada 7 September ini, gagal mengawal unsur-unsur antikera-jaan di universiti.

Dalam pertemuannya dengan wartawan *Utusan*, ZALINA YAHAYA, Prof. Dr. Ahmad Fawzi menerangkan mengenai tindakan beliau itu dan juga menjawab beberapa tuduhan masyarakat akademik yang mengandaikan beliau mempunyai udang di sebalik batu dalam setiap tindakannya.

UTUSAN: Apakah perkembangan terbaru mengenai lima pensyarah UUM yang sedang disoal siasat sekarang?

Prof. Ahmad Fawzi: Kami di pihak UUM kini masih lagi menjalankan siasatan terperinci. Mereka masih bertugas. Ini bukan perkara yang mudah. Ia perkara rumit yang memerlukan bukti-bukti yang sah dan kukuh sebelum mereka boleh diambil tindakan. Nak buktikan sesuatu bukan mudah.

Pelajar akan dibicarakan oleh Timbalan Naib Canselor (TNC) Hal Ehwal Pelajar (HEP), manakala pensyarah akan dibicarakan oleh sebuah jawatankuasa disiplin.

Pelajar ini akan dibicarakan selepas majlis konvokesyen nanti, manakala siasatan bagi pensyarah pula mungkin mengambil masa tiga atau empat bulan.

Untuk tujuan penyiasatan ini, sebuah jawatankuasa penyiasat kini telah ditubuhkan yang diketuai oleh TNC HEP untuk pelajar dan TNC Akademik untuk menyiasat kakitangan akademik.

Kami juga belum membuat laporan polis. Bagaimanapun, pihak polis kini juga turut menjalankan siasatan. Jika-lau jawatankuasa ini tidak berjaya, kita akan tunggu laporan penyiasatan polis untuk tindakan lanjut.

Adakah tindakan UUM berdasarkan laporan yang dibuat sendiri oleh warga universiti?

Dalam hal-hal begini, tidak mungkin ada laporan. Kita perlu bertindak sendiri untuk menyiasat. Apa yang kami temui ini adalah kebetulan. Semuanya bermula dengan penahanan 13 pelajar UUM yang ditangkap kerana ajaran sesat, baru-baru ini.

Selepas disiasat, mereka memberitahu terdapat seorang pelajar yang menyertai sebuah seminar di Batu Uban, Pulau Pinang. Daripada pelajar itu, kami dapati dia memiliki buku atur-cara, moto majlis ceramah dan buku *Ikhwanul Muslimun* yang mempunyai tajuk kecil *Gerakan Bawah Tanah*.

Dari sinilah kami menyiasat dan mengumpul maklumat sehingga dapat mengesan lima pensyarah dan dua pelajar.

Dari sini kita dapat kenal pasti su-

dah ada gerakan jihad. Kalau mengikut buku, memanglah mereka tidak men-cadangkan untuk angkat senjata, tetapi ini merupakan satu persiapan.

Dalam risalah, ada dinyatakan bukan masanya lagi. Tetapi persoalannya, ma-sanya akan tiba.

Saya kini dalam proses mencari ce-bisan 'jigsaw puzzles' untuk disambung-sambungkan. Tetapi sebenarnya saya sudah pun sambung-sambungkan 'jig-saw puzzles' ini. Cuma saya tidak tahu di mana berakhirnya.

Sejak bila Prof. mula mengumpul cebisan-cebisan 'jigsaw-puzzles' ini?

Sejak saya menjadi TNC HEP lagi, saya dah nampak apa yang terjadi ada hubung kait antara satu sama lain. Te-tapi perlu diingatkan, saya tidak libat-kan perkara ini dengan politik parti.

Secara keseluruhannya, bagaima-na keadaan di UUM kini?

Dalam bahasa keselamatan, saya bo-leh katakan keadaannya terkawal.

Bagaimana dengan penglibatan Jemaah Islah Malaysia (JIM) dalam isu ini?

Saya tidak pernah menuduh JIM ter-libat dengan isu ini. Tetapi JIM sendiri yang mengaku. Apa yang saya tegaskan ialah supaya JIM tidak menarik penyer-taan pelajar UUM dalam perjumpaan-perjumpaannya.

Ada orang menyifatkan tindakan Prof. mendedahkan penglibatan pe-lajar dan pensyarah dalam kegiatan gerakan bawah tanah adalah satu tindakan berani.

Ini bukan soal berani. Saya mempun-yai latar belakang dalam bidang kene-garaan. Saya mengajar kenegaraan, pembentukan bangsa dan kesetiaan ke-pada negara. Justeru, saya sentiasa waspada dengan perkara sebegini. Ma-lah saya juga pernah menjadi Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semen-an-jung dan Naib Presiden Majlis Belia Malaysia.

Ramai yang tahu, 'lubuk' utama pergerakan antikerajaan di kala-ngan pelajar dan kakitangan aka-demik ialah universiti-universiti di sekitar Kuala Lumpur. Apa komen Prof. mengenai sikap Naib Canselor universiti lain yang berdiam diri dan tidak bertindak mendedahkan perkara sebenar seperti mana yang Prof. lakukan?

Saya tidak salahkan mereka. Mung-kin mereka tidak cukup maklumat, te-tapi saya tahu dengan mendalam apa itu JIM, apa itu Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Masa saya membuat Ijazah Kedokto-ran (Ph.D) di luar negara, saya sudah bergelumang dengan politik pelajar.

Seperti yang saya katakan tadi, saya sudah ada cebisan-cebisan 'jigsaw puz-zle'. Saya cuma perlu menyusunkannya sahaja.

Bagi saya, pendedahan-pendedahan yang saya lakukan ini adalah demi ke-setiaan saya kepada negara. Sudah pas-ti saya tidak mahu membiarkan perka-ra-perkara yang boleh mengancam ke-selamatan negara.

Kalau mereka (pelajar dan pensya-rah) nak berjihad di Afghanistan dan Palestin, saya tak kisah. Teruskan, teta-pi ini sudah ada tanda-tandanya mere-ka mahu melakukannya di negara ini. Pelajar kita sendiri terlibat dengan pe-ngehoman di Indonesia.